

07/05/1998

Ketepi kepentingan diri, bersatu pulih ekonomi

HARAPAN Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad agar seluruh rakyat menggerakkan tenaga dan kekayaan dalam bentuk wang serta harta bagi memulihkan ekonomi negara, adalah satu manifestasi patriotisme. Harapan tinggi itu memohon rakyat menyetepikan kepentingan sendiri sebaliknya mendahulukan keperluan ramai. Kita mengakui semangat cintakan negara adalah suatu yang abstrak dan hanya dapat dinilai menerusi perlakuan. Kebiasaannya, semangat itu mudah terpancar sebagai pengorbanan besar apabila keadaan mendesak. Lantaran itu, mewujudkan semangat patriotik bukan satu yang sukar. Cuma ia tidak akan dapat terpupuk jika kita mengabaikan kepentingan ramai untuk mengejar keuntungan sendiri.

Persoalannya, sejauhmanakah rakyat kita daripada segenap lapisan masyarakat sanggup berkorban dan menggembungkan apa jua yang kita miliki sekarang untuk memulihkan ekonomi negara? Apakah ramai di kalangan kita sanggup menyetepikan kepentingan masing-masing untuk membantu kerajaan menagani kegawatan yang sudah berlanjutan hampir setahun ini? Barangkali ada yang mengatakan langkah seperti ini satu yang ideal, walaupun boleh dilakukan tetapi sukar untuk mendapatkan semua pihak turut serta. Kita akui untuk menggerakkan kekayaan dan harta bernilai lebih RM1 trilion memulihkan ekonomi negara bukan suatu yang mudah.

Namun, ia bukanlah mustahil untuk dilakukan. Jika kita boleh berganding tenaga menentang penjajah untuk mencapai kemerdekaan, bekerja kuat mencatatkan pertumbuhan ekonomi tinggi hampir sepuluh tahun berturut-turut, menyumbang idea memajukan negara untuk bertukar status menjadi negara maju, adakah wajar kali ini kita mudah tunduk tanpa mempertahankannya selepas terbukti kita berjaya melalui sebelum ini? Apakah kita harus menyerah kalah begitu mudah dalam menghadapi era kegawatan kini sedangkan tahun 70-an dan 80-an rakyat melihat sendiri bagaimana kita dapat bangkit semula daripada kemelut itu.

Mungkin akan ada juga yang mengatakan kemelesetan yang pernah dialami sebelum ini tidak sehebat apa yang dihadapi sekarang. Walaupun hebat manapun serangan kali ini, apakah kita tidak mampu untuk juga hebat bertahan. Lagipun, apakah pilihan terbaik lain yang kita ada. Apakah kita mahu membiarkan masalah ini menjadi lebih teruk dan melihatnya saja sambil bergantung harap kepada orang lain. Pasti rakyat tidak boleh bersikap diam diri.

Apa yang pasti, kita masih belum terlambat dan kerana masih dapat mengawal serta mencorakkan apa yang sedang berlaku. Lantaran itu, kita mesti sedia untuk berkorban kerana tidak ada gunanya untuk bertindak selepas ini jika kepentingan diri yang dilindungi selama ini juga tergugat. Kita mungkin sudah terlambat jika ketika itu rusuhan berlaku di mana-mana, pasar raya dan kedai dibakar untuk mendapatkan makanan dan kita bertarung sesama sendiri untuk hidup.

Sehubungan itu, inilah masanya untuk rakyat membuat pertimbangan dan pilihan.

Sesungguhnya, sebagai rakyat yang cinta kepada keamanan, kita juga cinta kepada kekuatan ekonomi yang berterusan. Kita akan dipandang rendah dan terpaksa mengikut telunjuk pihak lain jika kekuatan ekonomi kita hancur. Modal adalah faktor ekonomi terpenting ketika ini bagi mengembalikan semula kekuatan yang pernah kita miliki sebelum ini. Walaupun mendapatkan keseluruhan RM1 trilion itu adalah agak sukar, kita percaya sebahagian kecil kekayaan dan harta yang kita ada itu jika ditukar kepada ringgit

untuk dimasukkan ke dalam pelbagai instrumen pelaburan, ia bukan sahaja menguntungkan diri sendiri malah membantu pemulihan. Inilah kunci penggemblengan sumber yang masih lagi ada pada kita.

Sebagaimana yang kita lihat, kerajaan masih berupaya menangani krisis ini walaupun negara lain terutamanya Indonesia, Thailand dan Korea Selatan mahupun Jepun terus berhadapan dengan ketidakpastian. Keupayaan ini adalah hasil usaha kerajaan yang melaksanakan beberapa perubahan struktur dan memperkenalkan pelbagai dasar serta langkah berkesan mengekalkan kemapanan ekonomi negara.

Strategi ini diambil dengan penuh komitmen dan tanpa perlu bergantung kepada pakej Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) untuk mengurus kerangka makro ekonomi kita. Berdasarkan perangkaan tiga bulan pertama 1998, adalah dijangkakan ekonomi Malaysia akan turut beransur kembali pulih terutamanya jika situasi negara tetangga bertambah baik. Kita percaya dengan langkah dan saranan pemimpin untuk mengatasi beberapa kepincangan yang semakin diterima rakyat, InsyaAllah ekonomi Malaysia akan muncul mantap dan mapan tahun hadapan.

(END)